



**KESEPADUAN SAINS DAN AGAMA DALAM PENDIDIKAN:  
TINJAUAN PEMIKIRAN BEDIUZZAMAN SAID NURSI**

Faridah Mohd Sairi<sup>1\*</sup>, Noor Syahida Md Soh<sup>1</sup>, Mohd Annas Shafiq Ayob<sup>1</sup>, Mohd Norazri Mohamad Zaini<sup>2</sup> & Muaz Mohd Noor<sup>3</sup>

<sup>1\*</sup> Centre of Foundation Studies, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Selangor, Kampus Dengkil, Dengkil, 43800 Selangor, Malaysia  
[\\*faridah0052@uitm.edu.my](mailto:faridah0052@uitm.edu.my) (Corresponding Author)

<sup>2</sup>Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam Selangor, Malaysia

<sup>3</sup> Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah, 78000 Melaka, Malaysia

DOI: <https://doi.org/10.24191/ejitu.v7i2.6036>

**Abstrak**

**E-JITU**

Acceptance date:  
16 September 2024

Valuation date:  
24 September 2024

Publication date:  
21 October 2024

*Bediuzzaman Said Nursi, dikenali sebagai ulama Turki yang terkemuka (1877-1960) telah menawarkan pendekatan alternatif kepada pendidikan dimana beliau mencadangkan idea tentang perdamaian antara sains dan agama. Dalam penulisannya, didapati bahawa Nursi telah menekankan kepentingan menggabungkan ilmu saintifik dengan ilmu tauhid dan amalan Islam. Nursi percaya ilmu pengetahuan sebenar hanya boleh dicapai melalui integrasi kedua-dua bidang ini, selain untuk pembangunan dan pemahaman secara menyeluruh dan holistik tentang dunia. Walaupun kemajuan sains Barat telah mencapai tahap yang sangat cemerlang, terdapat jurang pencapaian yang ketara dari segi aspek kerohanian. Hal ini dapat dibuktikan dengan statistik jenayah dan sosial yang semakin meningkat setiap tahun. Para penuntut ilmu seringkali dipengaruhi oleh ahli akademik Barat yang menggalakkan sekularisme, yang merupakan salah satu faktor yang menyukarkan untuk mencapai kebenaran mutlak. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk membincangkan perspektif Bediuzzaman Said Nursi mengenai peranan sains dan agama yang saling melengkapi dalam pendidikan. Kaedah penyelidikan yang digunakan adalah deskriptif-kualitatif, iaitu melibatkan tinjauan beberapa artikel jurnal yang berkaitan dengan pemikiran Bediuzzaman Said Nursi mengenai pendidikan dan penubuhan Madrasah al-Zahra, yang mengenalkan idea penggabungan pendidikan sains dan agama dalam silibusnya. Hasil kajian ini akan dimasukkan ke dalam satu set garis panduan pendidikan yang akan memberi manfaat kepada institusi pendidikan di peringkat sekolah rendah dan universiti untuk menyatukan agama dan sains dalam kurikulum.*

**Kata kunci:** *Kesepaduan Sains dan Agama, Bediuzzaman Said Nursi, Pendidikan*



**THE INTEGRATION OF SCIENCE AND RELIGION IN EDUCATION: AN  
OVERVIEW OF BEDIUZZAMAN SAID NURSI'S THOUGHT**

**Abstract**

*Bediuzzaman Said Nursi, a distinguished Turkish scholar (1877-1960), proposed a unique approach to education that emphasized reconciling science with religion. In his writings, Nursi highlighted the importance of merging scientific knowledge with Islamic beliefs and practices, arguing that true understanding can only be achieved through this integration. He viewed this union as crucial for developing a comprehensive and holistic perspective of the world. While Western scientific progress has reached impressive heights, there remains a significant gap in spiritual achievements, as evidenced by the rising crime rates and social issues reported annually. Students of knowledge are deeply influenced by Western scholars who promote secularism, a key factor that complicates the pursuit of absolute truth. Therefore, the objective of this research is to discuss Bediuzzaman Said Nursi's perspective on the complementary roles that science and religion play in education. The research method will be descriptive-qualitative, and it will comprise a review of a number of journal articles that are relevant to Bediuzzaman Said Nursi's thoughts on education and the formation of Madrasah al-Zahra, which integrates scientific education and religious in its syllabus. The results of this study will be included into a set of guidelines that will benefit educational institutions at primary and university levels to oneness of religion and science in the curriculum.*

**Keywords:** *Reconciliation of Science and Religion, Bediuzzaman Said Nursi, Education*

**PENGENALAN**

Dalam bidang pendidikan, usaha untuk menyatukan sains dan agama telah menjadi topik perdebatan dan perbincangan yang hangat. Salah satu tokoh terkemuka yang menyumbang kepada wacana ini ialah Bediuzzaman Said Nursi. Nursi, seorang intelektual Muslim dari zaman akhir Uthmaniyyah dan awal Turki, menyedari bahawa kemajuan sains dan teknologi sering dikaitkan dengan pandangan dunia materialistik dan ateistik (Sofi, 2013). Dalam kalangan masyarakatnya, ramai golongan elit berpendidikan Barat menganggap sains bertentangan dengan kepercayaan agama. (Sofi, 2013) Namun, Nursi percaya bahawa sains dan agama tidak bertentangan, sebaliknya saling melengkapi. Hujah beliau, usaha untuk mengintegrasikan sains agama dan sains moden amat penting dalam keadaan semasa tetapi juga perlunya memahami prinsip-prinsip universal ilmu. Menurut Nursi, sains dan agama tidak seharusnya dilihat sebagai kuasa yang berseteru, tetapi sebagai sumber pencerahan antara satu sama lain.

**LATAR BELAKANG KAJIAN**

Menurut Said Nursi, era yang dikuasai oleh kemajuan sains menuntut penyatuan ilmu sains berdasarkan eksperimen dan kefahaman dalam agama. Nursi tidak berpuas hati

dengan sistem pendidikan yang digunakan di Turki pada waktu itu. Maktab dan madrasah merupakan dua institusi utama yang menyalurkan pendidikan. Sistem pertama berorientasikan Barat dan memberi tumpuan kepada kurikulum dengan pendekatan positivisme dalam sains, manakala sistem kedua menyediakan kurikulum pendidikan Islam klasik. Tidak ada sistem pendidikan nasional yang mengajar kedua-dua bidang sains dan agama pada masa itu. Makatib dan madaris, yang menjadi pusat pendidikan popular ketika itu, berbangga dengan kurikulum masing-masing sambil saling mengkritik antara dua aliran. Masalah ini amat mengganggu Nursi. Beliau sering menyatakan rasa tidak puas hati terhadap ulama tradisional yang gagal membincangkan masalah semasa yang mendesak. Nursi percaya bahawa agama bukan hanya berkaitan dengan soal keimanan, tetapi juga mempunyai hubungan dengan bidang kajian lain seperti sosiologi, politik, dan ekonomi. (Markham.S, Ian dan Pirim, Suendam, 2011).

Bediuzzaman Said Nursi memperjuangkan integrasi antara ilmu agama dan sains moden dan percaya bahawa sains dan agama boleh hidup berdampingan secara harmoni. Dalam usahanya mencapai penyepaduan antara sains dan agama, Nursi telah menggambarkan penubuhan Universiti Islam yang berprestij seperti Universiti Al Azhar. Nursi percaya bahawa institusi sedemikian akan menyediakan platform untuk penyepaduan ilmu agama dan moden, di samping menggalakkan penggunaan pelbagai bahasa dalam pengajaran, dengan bahasa Arab sebagai bahasa utama, bahasa Kurdish menjadi pilihan, dan bahasa Turki adalah wajib (Eryilmaz et al., 2019).

Matlamat kajian ini terbahagi kepada tiga iaitu: Pertama, untuk mengetahui apakah maksud pengintegrasian sains dan agama. Kedua, untuk menganalisis bagaimana pemikiran Nursi membantu dalam menyelaraskan sains dan agama dalam landskap pendidikan. Ketiga, untuk menilai implikasi falsafah Nursi dalam pendidikan moden dan seterusnya membantu dalam pembinaan kurikulum. Melalui objektif tersebut, hasil kajian ini bermatlamat untuk menyumbang kepada wacana berterusan mengenai penyatupaduan sains dan agama dalam pendidikan.

### **Siapakah Bediuzzaman Said Nursi?**

Said Nursi, yang juga popular dengan gelaran '*Bedi'uzzamān*' dan *Wonder of the Age*, telah dilahirkan pada 1876 di Perkampungan Nurs, terletak di bandar Bitlis, di wilayah timur Anatolia. Nursi ialah seorang cendekiawan Turki terkenal, yang telah menekankan nilai pengetahuan saintifik dan kepercayaan serta amalan Islam dalam dakwah dan karya-karyanya yang terkenal iaitu, *Rasail al-Nur*. Beliau diberi gelaran Bediuzzaman oleh Molla Fatah Allah dari Siirt sebagai pengiktirafan terhadap keupayaan luar biasanya dan kemampuan yang sangat pantas dalam mempelajari pelbagai disiplin ilmu sains. Bandar Nurs, tempat beliau dilahirkan, memberi inspirasi kepada keluarganya untuk memberinya nama Nursi. Mirza ialah nama bapanya, dan Nure adalah nama ibunya. Beliau mempunyai daya ingatan yang luar biasa dan keupayaan pembelajaran yang hebat, jelas, ibu bapanya menyumbang kepada kecerdasannya yang sungguh mengagumkan. (Geelani, Syed & Mir, Irfan. 2019).

**Pendidikan Islam: Sudut Pandang Said Nursi**

Pandangan Said Nursi mengenai pendidikan Islam menyumbang kepada pembangunan potensi manusia dengan menggabungkan nilai-nilai agama dengan nilai-nilai kemanusiaan, yang sering dirujuk sebagai 'humanisme agama'. Menurut Nursi, pendidikan Islam harus menumpukan kepada pembangunan personaliti yang seimbang dalam diri seseorang dengan mengambil kira aspek duniawi dan ukhrawi. Pendekatan ini meletakkan manusia sebagai makhluk yang selaras dengan tujuan penciptaan oleh Sang Pencipta. Selain itu, Said Nursi menekankan pengajaran sains dengan asas yang kukuh berlandaskan keimanan dan kefahaman inti al-Quran bagi meningkatkan lagi potensi manusia. Beliau menggalakkan sinergi antara pengetahuan saintifik dan ajaran agama. Konsep ini bertujuan melahirkan insan yang seimbang, yang mempunyai hubungan baik dengan sesama manusia (*hablun minannās*) dan dengan Pencipta mereka (*hablun minallāh*). Oleh itu, dari sudut pandang Nursi, perspektif humanistik dalam pendidikan Islam dilihat sebagai penting untuk perkembangan peribadi manusia (Alfiyanto et.al, 2023).

**PERSOALAN KAJIAN**

Persoalan kajian ini adalah :

1. Bagaimanakah falsafah Bediuzzaman Said Nursi menyelaraskan sains dan agama dalam landskap pendidikan?
2. Bagaimanakah pemikiran Nursi tentang sains dan agama mempengaruhi teori pendidikan dan pembangunan kurikulum?
3. Bagaimanakah idea dan ajaran Nursi boleh memandu masa depan dalam usaha penyepaduan sains dan agama dalam pendidikan?

**SOROTAN LITERATUR****Sains**

Sains adalah istilah yang berasal daripada perkataan Latin '*scire*' yang bermaksud untuk mengetahui. Sains bukanlah fenomena yang baru atau segar, sebaliknya mempunyai sejarah yang panjang sejak zaman Yunani klasik hingga zaman kebangkitan Eropah. Justeru itu, sains dan sejarah perkembangannya lazim dianggap sebagai proses pengumpulan teknik dan penyempurnaan kaedah kuantitatif dalam kajian alam secara progresif (Ahmad N. Amir et.al. 2012). Menurut Poedjiadi, yang dipetik dalam Sunhaji (2016), istilah sains berasal daripada perkataan Inggeris '*science*'. Dalam bahasa Latin, '*science*' bermaksud '*scientia*' yang bermakna pembelajaran dan melihat (mengetahui). Pengetahuan itu sendiri adalah hasil daripada aktiviti melihat. Secara epistemologi, pengetahuan manusia terbahagi kepada dua. Pertama, pengetahuan adalah hasil daripada kesedaran. Kedua, sains ialah pengetahuan yang sistematik, berstruktur, dan tersusun. Sains adalah satu sistem yang berguna untuk memberikan pemahaman tentang alam semesta melalui pemerhatian dan uji kaji terkawal.

Menurut Iqbal, M. (1999), Islam memberi penekanan kuat terhadap sains dan transendensi/keunggulan. Islamisasi sains adalah hasil daripada komponen rohani ini. Kerangka etika Islam juga merupakan faktor yang menambah unsur Islamik tersendiri dalam kajian alam dan kehidupan, yang juga mendefinisikan sifat penyelidikan. Islam melihat sains hanya sebagai alat untuk memperoleh kebenaran yang lebih tinggi, bukan matlamat itu sendiri. Ia adalah salah satu disiplin ilmu, dan al-Quran menjelaskan mengapa pembelajaran itu penting. Tanpa matlamat dan tujuan, pengetahuan menjadi tidak berguna serta tiada sebarang ganjaran (Iqbal, M. 1999). Bagi Said Nursi pula, istilah *'ilm* mesti merujuk kepada pengetahuan manusia tentang Tuhan. Menurut beliau, semua ilmu sains dan pengetahuan adalah agama, di mana pengetahuan saintifik dan agama adalah disiplin ilmu yang saling melengkapi. Melalui kefahaman ini, Said Nursi akhirnya menekankan mengenai pengetahuan yang membawa kebahagiaan di dunia dan di akhirat (Hasan Hörkürç, 2004).

### **Agama**

Segala cabang ilmu bersumberkan agama telah mentakrifkan agama dari sudut perspektif masing-masing. Dalam menghuraikan agama, para ulama Islam menjelaskan bagaimana konsep agama dipaparkan dalam al-Quran dan ajaran kepercayaan Islam. Menurut Ningsih, T, et.al (2022), perkataan agama berasal daripada bahasa Sanskrit, yang berkait rapat dengan agama Buddha dan Hindu. Kata akar "agama" berasal daripada perkataan 'gam', yang bermula dan berakhir dengan huruf 'a', menjadi 'agama' (agama). Kadangkala, kata akar ini bermula dengan huruf 'i' dan berakhir dengan yang sama, menjadi 'igama', atau mendapat imbuhan 'u', sehingga menjadi 'ugama'. Perkataan agama yang berasal dari bahasa Sanskrit tergolong dalam rumpun bahasa Indonesia-Jerman, dan serupa dengan rumpun bahasa Belanda dan Inggeris. Kata "ga" boleh ditemui dalam bahasa Belanda sebagai 'gan' (pergi) dan 'go' dalam bahasa Inggeris yang mempunyai makna yang sama dengan 'gam', iaitu bergerak. Namun, maknanya berubah apabila mendapat imbuhan awalan dan akhiran 'a', yang kemudian membawa maksud sebagai "jalan" atau "cara".

Menurut Bayram, F. (2010), agama adalah hukum Ilahi. Oleh itu, jika peraturan dan kepercayaan yang kita anggap sebagai agama tidak berasaskan wahyu Ilahi, ia tidak diterima oleh Allah. Justeru, setiap kepercayaan dan dakwaan kesucian yang dihasilkan oleh manusia adalah palsu. Hanya sistem kehidupan yang diutuskan oleh Allah melalui para nabi merupakan agama yang benar. Dengan cara ini, penyembahan manusia kepada manusia lain sama sekali terbatal, ditegaskan bahawa semua manusia adalah sama di hadapan Allah. Berdasarkan ayat al-Quran: "*Kemuliaan hanya terletak pada ketakwaan.*" (Surah al-Hujurat :13)

Al-Quran menyebut perkataan agama sebanyak sembilan puluh dua kali (92). Al-Quran menggunakan perkataan ini majoritinya dengan makna "peraturan, diperintah, ketaatan, undang-undang, ibadah, kesatuan (ketundukan dengan Allah), Islam, syariah (hukum-peraturan), batasan (ditetapkan oleh Allah), tradisi, hukuman, perhitungan (memberi pertanggungjawaban kepada Allah pada hari kiamat mengenai bagaimana dan untuk apa kehidupan kita berlalu), dan umat (kumpulan orang dengan kepercayaan yang sama)." Dalam Al-Quran, agama mempunyai dua makna: Pencipta dan ciptaan. Agama bagi

Pencipta ialah "mengawal, membuat taat, mengambil pertanggungjawaban, dan memberi hukuman-ganjaran," manakala bagi ciptaan ialah yang beribadah kepadanya, ia adalah "tunduk, menyedari kelemahan, menyerah diri, dan menyembah." (Bayram, F. 2010).

Agama adalah konsep yang kompleks dan pelbagai dimensi dengan pelbagai definisi mengikut perspektif yang berbeza. Secara umum, agama boleh ditakrifkan sebagai satu set kepercayaan, amalan, dan ritual yang berkaitan dengan konsep ketuhanan atau yang luar biasa. Ini biasanya melibatkan kepercayaan tentang sifat realiti, tujuan hidup, moral, etika, dan kehidupan selepas mati. Kebanyakan agama mempunyai tingkah laku yang teratur, termasuk solat berjemaah, peraturan moral, undang-undang agama mengenai pemakanan, pakaian, dan organisasi sosial, serta ritual seperti pembaptisan, berkhata, upacara perkahwinan, dan pengebumian. Agama sering mengandungi kod moral yang mengawal kelakuan urusan manusia. Selain itu, agama biasanya merangkumi naratif atau kosmologi yang menjelaskan bagaimana alam semesta dan kehidupan muncul, yang kadangkala dirujuk sebagai mitologi agama. Ia juga mungkin menggambarkan simbol, tradisi, dan sejarah suci yang bertujuan untuk menerangkan makna kehidupan atau menghubungkan individu dengan komuniti kepercayaan mereka.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini adalah berbentuk deskriptif-kualitatif. Metodologi bagi kertas penyelidikan konseptual ini melibatkan kajian menyeluruh terhadap literatur sedia ada mengenai falsafah Bediuzzaman Said Nursi, khususnya pandangan beliau mengenai integrasi sains dan agama. Kajian ini merangkumi sumber primer, seperti karya-karya Said Nursi, serta sumber sekunder melalui analisis terhadap karya ilmiah dan ulasan mengenai falsafah Said Nursi. Seterusnya, rangka kerja konseptual akan dibangunkan berdasarkan falsafah Said Nursi untuk memetakan interaksi antara sains dan agama dalam pendidikan. Langkah ini melibatkan pemeriksaan teliti terhadap tulisan-tulisan Said Nursi bagi mengenal pasti prinsip dan pendirian utama beliau mengenai sains, agama, dan pendidikan.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

### **Falsafah Keilmuan Bediuzzaman Said Nursi**

Demi meyakinkan masyarakat bahawa sains dan agama dapat bersatu, pertama sekali Said Nursi menjelaskan konsep pengetahuan sebenar berasaskan falsafah. Beliau menegaskan bahawa sumber semua pengetahuan adalah Allah SWT, yang bertanggungjawab mencipta alam semesta ini (Şükran Vahide, 2007). Said Nursi mendefinisikan *'Ilm* sebagai segala bentuk pengetahuan, bukan hanya pengetahuan agama. Namun, beliau membahagikannya kepada **dua kategori utama: Ilmu aqli untuk sains agama dan ilmu naqli untuk sains fizikal**. Said Nursi menjelaskan bahawa semua pengetahuan adalah berunsurkan agama tanpa mengira sumber atau jenisnya. Beliau percaya bahawa sains teologi dan fizikal (*aqli* dan *naqli*) saling melengkapi (Hasan Hörkürç, 2004).

Terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan ulama mengenai ilmu. Sayyid Qutb menganggap ilmu sebagai sesuatu yang melangkaui pemahaman biasa. Baginya, ilmu adalah pemahaman sepenuhnya oleh akal terhadap sesuatu, yang berkaitan dengan jiwa dan hati nurani, serta direalisasikan melalui tindakan. Secara umum, ilmu melambangkan keharmonian antara akal, jiwa, dan jasad (Hasan Hörkürc, 2004, 88). Menurut Imām al-Ghazālī, "*Ilmu seperti buah pokok yang mengalir dari akal*" (Muhammad al-Ghazzālī, 1982).

Manakala, Ibn Khaldūn, seorang ahli sosiologi Muslim terkenal, berpendapat bahawa ilmu berkembang dalam masyarakat bertamadun dan boleh dicapai melalui penaakulan (*reasoning*). Sementara al-Tibawi pula menyatakan ; "*Manusia adalah makhluk sosial, dan pembelajaran bergantung pada sifat kekuatan material, intelektual, dan spiritual tamadun di mana dia tinggal*" (A.L Tibawi, 1972). Menurut Sofi (2013), ilmu boleh diperoleh melalui pemikiran, deria, dan empirisme. Menggunakan akal (*reasoning*) untuk mendapatkan ilmu dibenarkan selagi ia dipandu oleh pemahaman wahyu Allah. Akal ('aql) dan penggunaannya dalam rasionalisme, logik, dan empirisme mempunyai batasan yang besar. Oleh itu, akal mungkin menyesatkan manusia jika ia tidak tunduk kepada ilmu yang diwahyukan.

Said Nursi mencadangkan integrasi pengetahuan agama dan sains dalam masyarakat, dengan tujuan untuk mewujudkan sistem pendidikan yang bersatu melalui revitalisasi (penghidupan semula) ilmu. Pendekatannya bersifat praktikal dan intelektual. Beliau percaya bahawa pengetahuan agama dan pengetahuan berdasarkan eksperimen, atau pengetahuan saintifik, perlu digabungkan bagi memberi manfaat kepada umat manusia secara keseluruhan. Said Nursi merujuk kepada konsep bahawa semua pengetahuan adalah bersifat agama, tanpa mengira sumbernya, menunjukkan bahawa tiada pertentangan atau pemisahan antara sains dan agama. Sepanjang hidupnya, beliau berminat untuk mengharmonikan antara iman dan akal, Islam dan sains, serta menggalakkan umat Islam untuk terlibat dalam kemajuan saintifik sambil mengekalkan keimanan mereka. Said Nursi menekankan bahawa tafsiran golongan materialist terhadap penemuan sains adalah tidak masuk akal dan tidak rasional, serta menyeru agar perspektif saintifik dan agama seimbang. Matlamat beliau adalah untuk melahirkan generasi Muslim yang ikhlas, berbakti, dan berpengetahuan luas dalam kedua-dua bidang agama dan sains. (Sofi, 2013)

Penulisan Said Nursi memberi sumbangan besar kepada integrasi pengetahuan agama dan sains. Beliau menekankan keperluan untuk menyatukan dua jenis pengetahuan yang berbeza: satu berasaskan keimanan agama dan satu lagi berdasarkan sains eksperimen. Penulisan beliau mencerminkan keyakinan kukuh bahawa adalah mungkin untuk mendamaikan kedua-dua sistem pengetahuan ini, secara jelas menolak sebarang ketidakerasian yang dianggap wujud antara kebenaran agama dan penemuan sains moden. Karya beliau, *Risale-i Nur*, menampilkan visinya melalui contoh praktikal, perbandingan, bukti yang dihujahkan dengan teliti, dan penjelasan yang menunjukkan bahawa tafsiran materialistik terhadap penemuan sains adalah tidak rasional. Nursi menegaskan bahawa sains sebenarnya boleh mendedahkan keajaiban ciptaan Allah, dengan itu mendekatkan lagi pemahaman agama dan sains. Penulisannya bertindak sebagai panduan bagi potensi penyatuan iman dan sains, menginspirasi umat Islam untuk

terlibat dengan kemajuan saintifik moden sambil mengekalkan asas keimanan yang kuat, mempersembahkan pendekatan bersepadu terhadap ilmu. Sumbangan Nursi memperluas pemahaman tentang ilmu dan bertujuan untuk menyelesaikan kontroversi yang dianggap wujud mengenai keserasian antara agama dan sains. Secara keseluruhannya, melalui penulisan ini, Nursi berusaha memperkenalkan pendekatan holistik terhadap pengetahuan bagi pembangunan menyeluruh umat manusia (Sofi, 2013).

Menyelesaikan kontroversi antara agama dan sains adalah penting atas beberapa sebab. Pertama, ia memupuk pemahaman holistik tentang dunia dengan mengintegrasikan pengetahuan saintifik dan empirik dengan prinsip moral, etika, dan kerohanian yang diajarkan oleh agama. Ini mengelakkan sebarang pemisahan atau konflik yang tidak perlu antara dua komponen penting dalam pengetahuan dan pengalaman manusia. Kedua, ia menggalakkan keterbukaan minda, pemikiran kritis, dan saling menghormati pandangan yang berbeza, yang membawa kepada dialog komuniti yang lebih inklusif. Ketiga, ia memberi manfaat kepada pendidikan, membolehkan pelajar mempelajari dan memahami kedua-dua prinsip saintifik dan kepercayaan agama tanpa merasa terpaksa memilih antara dua realiti yang bertentangan. Banyak sistem kepercayaan dan konsep saintifik boleh wujud bersama dan saling melengkapi.

Akhir sekali, ia menggalakkan penerapan garis panduan etika dalam penyelidikan sains dan kemajuan teknologi manusia. Prinsip agama sering merangkumi keprihatinan terhadap kesejahteraan orang lain dan menghormati kesucian hidup, yang boleh membimbing sains ke arah yang lebih bertanggungjawab terhadap kesan tindakan, terutamanya dalam bidang seperti bio-kejuruteraan, kecerdasan buatan, dan kelestarian alam sekitar. Oleh itu, menyelesaikan kontroversi antara agama dan sains memperkayakan kefahaman manusia, memupuk perpaduan dalam kepelbagaian, meningkatkan kualiti pendidikan, dan membimbing sains ke arah kemajuan etika (Sofi, 2013).

Dengan kata lain, pendidikan sains-agama boleh diperkembangkan melalui dialog antara disiplin, membangunkan kursus/silibus yang menggalakkan pemahaman bersama, dan memperluaskan aktiviti penyelidikan dalam bidang yang mempertemukan sains dan agama. Kaedah pengajaran harus mendorong pelajar untuk meneroka bagaimana teori saintifik, seperti evolusi, boleh wujud selari dengan kepercayaan agama tanpa sebarang percanggahan. Ini boleh dicapai dengan menyajikan kedua-dua perspektif agama dan saintifik terhadap isu-isu penting seperti sifat alam semesta, kewujudan manusia, etika dan moral (Oleksowicz et.al, 2021).

Pemerintah Abbasiyah di Baghdad dan Umaiyah di Sepanyol (al-Andalus) bertanggungjawab terhadap perkembangan sains. Tamadun Islam dan sains berkembang pesat pada zaman ini, dengan kreativiti, keaslian, dan kemajuan dalam hampir setiap bidang yang tiada tandingannya di seluruh dunia. Umat Islam telah memberikan sumbangan saintifik yang sangat mengesankan (M. Raziuddin Siddiqui, 1988). Malangnya, umat Islam yang dahulunya pemimpin dalam sains dan teknologi hilang arah dan kehilangan penguasaan saintifik yang telah lama dipegang, terutamanya selepas abad keempat belas. Sejak itu, keadaan di dunia Islam kebanyakannya kekal tidak berubah, mencetuskan kekacauan dan kecelaruan aliran dalam pendidikan. Dunia menyaksikan

kemerosotan sains Islam dan kebangkitan "sains moden" yang berlaku dalam masa yang singkat. Pemodenan dan pembangunan berlaku apabila umat Islam memindahkan warisan intelektual dan saintifik mereka dari Timur (Dunia Islam) ke Barat (Dunia Eropah). Ini kerana sarjana Barat tidak pernah berhenti berusaha untuk menambahkan keilmuan dalam sains dan teknologi (Sofi, 2013).

Said Nursi percaya bahawa sistem pendidikan semasa telah mewujudkan jurang antara dua golongan dalam masyarakat, bukannya memenuhi keperluan komuniti. Lebih buruk lagi, kedua-dua aliran tersebut membuat andaian palsu tentang satu sama lain. Dunia kini menyaksikan pertumbuhan dan peningkatan yang besar dalam bidang sains. Trend semasa ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuk kemajuan teknologi, penemuan dan inovasi baru, peningkatan dalam kesihatan dan kebersihan, sertobalisasi (Geelani, Syed & Mir, Irfan, 2019).a gl

### **Model Pendidikan Madrasah al-Zahra**

Said Nursi mengkritik sistem pendidikan maktab-madrasah di negaranya. Maktab mengajar sains moden, manakala madrasah memberi tumpuan kepada ilmu agama. Ketidakpuasan hatinya menunjukkan bahawa iman dan sains moden perlu dilihat sebagai sesuatu yang tidak dapat dipisahkan, dan prinsip ini sepatutnya menjadi dasar dalam polisi pendidikan. Said Nursi memerhatikan bahawa Barat mengatasi kemunduran mereka dengan memajukan sains dan pendidikan, lalu beliau berhasrat untuk menubuhkan sebuah universiti di Anatolia timur yang dikenali sebagai Madrasah al-Zahra. Beliau telah menetapkan tujuan, organisasi, kurikulum, bentuk, dan menyediakan bajet universiti tersebut. Marazi (2015) menyatakan bahawa paradigma ini menggalakkan penyatuan ilmu dengan mengajarkan subjek agama di sekolah-sekolah sekular (*maktab*) dan sains positivisme di sekolah-sekolah agama (*madrasah*). Pendekatan ini melindungi pelajar sains sekular daripada skeptisisme, disamping mendedahkan pelajar sains agama mengenai kemahiran teknologi dan pembangunan (Muaz & Faizuri, 2012).

Idea-idea Said Nursi tentang pengintegrasian sains dan teknologi ke dalam pendidikan adalah unik dan bermakna dalam krisis pendidikan Muslim global. Said Nursilah tokoh yang memulakan wacana antara sains dan agama untuk membentuk pemahaman falsafah mengenai alam, dan mendapati bahawa falsafah agama berkongsi banyak ruang yang sama dengan ilmu sains. Beliau tidak berpendapat bahawa sains berada di luar agama. Ungkapan beliau seperti "*Sains moden khususnya telah menyedarkan dan membangkitkan manusia; mereka kini memahami hakikat sebenar kemanusiaan,*" menjadi satu tarikan bagi ahli akademik untuk membuka perbincangan mengenai pendidikan moden.

Maka cadangan Madrasah al-Zahra bertujuan untuk mendamaikan pengetahuan agama dan pengetahuan sekular. Said Nursi menjelaskan, "*Golongan daripada madrasah (sekolah agama) menuduh golongan sekolah moden lemah dalam kepercayaan kerana penampilan luar mereka. Sekolah moden pula menganggap madrasah tidak mengetahui sains baru, lantas dianggap sebagai jahil.*" Pandangan dan amalan yang berbeza ini telah merosakkan prinsip-prinsip Islam dan menghalang kemajuan tamadun manusia moden. Satu-satunya cara untuk membetulkan keadaan ini ialah dengan mengajar sains agama

dengan betul di sekolah moden, mengajar sains baru yang tepat menggantikan falsafah Yunani kuno di institusi agama, dan melibatkan tokoh ulama di rumah-rumah *dervish* (tempat para ahli Sufi berzikir). Said Nursi mempelajari ilmu sains untuk memahami dan membuktikan tentang kebenaran al-Quran. Sains dan kehidupan harus berkisar pada pemahaman al-Quran. Beliau menasihati para pelajar agar mengkhususkan diri dalam subjek yang mereka gemari dan hanya mempelajari subjek yang melengkapinya. Namun, pengkhususan ini merupakan perubahan besar dari kaedah tradisional (Bediuzzaman Said Nursi, 2010).

Said Nursi memulakan perbincangan dan dialog antara sains dan agama untuk membentuk pemahaman teologi mengenai alam. Menurut Said Nursi, "*Sains moden khususnya telah menyedarkan dan membangkitkan manusia; mereka kini memahami hakikat sebenar kemanusiaan*". Sains dan agama wujud bersama dalam *Risale-i Nur* karya beliau dan perkara ini dihuraikan dengan lebih lanjut dalam "*Khutbah Syamiyyah*," sebuah bab dalam *The Rays Collection* hasil penulisan beliau (Bediuzzaman Said Nursi, 2010).

### **Kaedah & Teknik Pembelajaran Baharu**

Menurut Geelani, Syed & Mir, Irfan (2019), Said Nursi mencipta kaedah pengajaran baharu iaitu pelajar harus belajar dalam bahasa yang mereka fahami dengan ayat yang mudah dan contoh-contoh yang jelas. Guru perlu membangkitkan minat pelajar terhadap subjek yang diajar. Said Nursi berpendapat madrasah perlu mengamalkan pendekatan dan kurikulum yang baru. Berdasarkan prestasi mereka, kanak-kanak perlu dipantau dengan teliti dan dibimbing secara berkala. Perbincangan dengan pelajar akan membantu mereka belajar, mensintesis, dan meneroka pengetahuan. Said Nursi menunjukkan bahawa kaedah pengajaran melalui soal-jawab adalah penting. Beliau mengkritik penyelidik yang tidak menggunakan teori dan eksperimen. Beliau mahu menggantikan kaedah hafalan dengan pertimbangan pragmatik serta pemikiran ingin tahu dalam kalangan pelajar. Guru juga harus menghidupkan subjek tersebut, menjadikan kuliah menarik dengan contoh-contoh yang relevan, dan meyakinkan pelajar bahawa ilmu yang disampaikan berguna dalam kehidupan. Pelajar mesti berasa bertanggungjawab dan percaya pada sekolah untuk berjaya. Seorang kanak-kanak yang diabaikan secara rohani tidak boleh dididik atau dikawal.

### **Idea Kurikulum Masa Hadapan Menurut Said Nursi**

Menurut Ali (2014), Said Nursi telah membezakan pelbagai kriteria sebagai rujukan untuk umat Islam dalam memperkasakan pendidikan bersepadu. Berikut adalah **tujuh garis panduan Said Nursi untuk integrasi kurikulum masa hadapan**:

1. Melakukan penilaian menyeluruh terhadap semua sistem pendidikan yang sedia ada.
2. Menilai semula status quo pendidikan agama dan membuat perubahan menyeluruh pada kurikulumnya.

3. Mengintegrasikan pendidikan agama tradisional dengan pendidikan sekular semasa dan tasawuf Islam untuk membentuk rangka kerja pendidikan yang koheren dan berkesan.
4. Mewujudkan kurikulum yang mengimbangi pengajaran nilai material, spiritual, dan moral.
5. Menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar utama dan menekankan penggunaan bahasa ibunda pelajar sebagai bahasa kedua keseluruhannya (kadang-kadang dikenali sebagai 'trilingual').
6. Menyimpulkan bahawa Islam adalah sumber yang sangat baik untuk pelbagai disiplin ilmu, termasuk sains canggih.
7. Menggalakkan penubuhan universiti Islam yang berjaya menggabungkan pengajian Islam tradisional dengan penyelidikan sains canggih.

### KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, perspektif Bediuzzaman Said Nursi mengenai penyatuan antara sains dan agama dalam pendidikan telah mencetuskan perbincangan yang mendalam dalam kalangan pelbagai penyelidik. Dengan menerima idea-idea Said Nursi, para pendidik dapat berusaha mencapai pendekatan seimbang yang merapatkan jurang antara sains dan agama, sekaligus mempromosikan pengalaman pendidikan yang lebih inklusif dan bersepadu. Pendekatan pendidikan Said Nursi adalah luas, lengkap, dinamik, dan progresif, serta dapat memenuhi keperluan pendidikan sains dan moral secara menyeluruh. Pendidikan Said Nursi dianggap lebih unggul berbanding semua model pendidikan Asia Selatan yang lain kerana ia berjaya mencapai pemeraksanaan melalui pendidikan dan integrasi agama-sains-teknologi. Model Madrasah al-Zahra adalah praktikal, munasabah, dan sesuai dengan budaya umat Islam di seluruh dunia kerana sifat peradabannya yang unik. Dalam konteks kecenderungan pengguna dalam pendidikan dan teknologi yang meminggirkan nilai spiritual dan moral, penyelidikan mendalam mengenai pendekatan ini amatlah diinginkan. Model Said Nursi menawarkan pilihan yang memenuhi tuntutan moden tanpa mengabaikan nilai-nilai yang harus ditanam dalam pendidikan untuk menangani masalah peradaban di tengah-tengah ancaman ateisme dan materialisme yang berselindung di sebalik kemajuan, pemodenan, dan pembangunan.

Cadangan agar kajian masa hadapan mengkaji aspek adab dan etika dalam pendidikan yang beradaptasi dengan kepesatan teknologi masa kini terutama dalam bidang kepintaran teknologi buatan (*Artificial Intelligent*) yang mendominasi pelbagai aspek dalam kehidupan masa kini.

### SUMBANGAN PENULIS BERSAMA

Penulis mengakui bahawa tidak terdapat kepentingan peribadi dalam penerbitan artikel ini. Penulis pertama melakukan kajian literatur, metodologi, analisis data, penambahbaikan terhadap perbincangan dan semakan terhadap rujukan. Penulis kedua menulis kajian literatur, pengumpulan data dan perbincangan. Penulis ketiga melakukan penambahbaikan terhadap sorotan literatur manakala penulis keempat dan kelima menjalankan semakan terhadap struktur ayat, analisis dan perbincangan.

**RUJUKAN**

- L Tibawi, *Islamic Education: Its Traditions and Modernization into the Arab National Systems* (London: Luzac & Company Ltd. 1972), 42.
- Ahmad N. Amir, Abdi O. Shuriye, and Ahmad F. Ismail, "The Foundation of Science and Technology In View Of Muhammad Abduh," *Asian Journal of Natural and Applied Sciences*, vol.1, no. 2, (2012): 143-155, 143.
- Alfiyanto, Afif & Rijal, Syamsul & Silahuddin, Silahuddin. (2023). The Concept of Islamic Education Based on Religious Humanism Said Nursi's Perspective. *Journal on Education*. 5. 9552-9562. 10.31004/joe.v5i3.1410.
- Ali, S.J. (2014). "Badiuzzaman Said Nursi's Approach to Modern Education.", paper presented at Badiuzzaman Said Nursi and his Risale-i-Nur "Role and Place of Said Nursi's Thought in 21st Century", Department of Islamic Studies, Islamic University of Science & Technology, Awantipora, J&K in collaboration with The Istanbul Foundation for Science & Culture, Turkey, 21-22 August.
- Badiuzzaman Said Nursi, *The Damascus Sermon*, tr. Şükran Vahide (New Delhi: Sözlere Publications, 2010)
- Badiuzzaman Said Nursi, *The Rays*, tr. Şükran Vahide (2007) Istanbul: Sözlere Publications A. S.,
- Eryılmaz, M., Aydoğan, E. K., Petriçli, G., Erdur, D. A., Kara, E., Bektaş, O. (2019). Yüksek Öğretim Ve Kalite Yönetimi: Gelişmekte Olan Ülke Bağlamında Bir Araştırma - Tertiary Education and Management of Quality: A Research in A Developing Country Context. *Mehmet Akif Ersoy Üniversitesi Sosyal Bilimler Enstitüsü Dergisi*, 28(11), 358-379. <https://doi.org/10.20875/makusobed.543438>
- Geelani, Syed & Mir, Irfan. (2019). A Study of Badiuzzaman Said Nursi's Model of Curriculum Integration. *International Conference on Rethinking Education of Religions in the modern world: Prospectus and Challenges*. Organized by Department of Religious Studies, central University of Kashmir in collaboration with Institute of Objective Studies New Delhi. <https://www.researchgate.net/publication/355041536>
- Hasan Hörkürç (2004) *Said Nursi's Ideal for Human Society: Moral and Social Reform in the Risale-i Nur* (PhD Thesis, University of Durham), 336.
- Iqbal, Muzaffar (1999), *What Makes Islamic Science Islamic?* In *Reports of the National Center for Science Education*, V.19, No.6, Nov-Dec 1999. <https://ncse.ngo/what-makes-islamic-science-islamic>. Retrieved on July 7th, 2023
- M. Raziuddin Siddiqui, "The Concept of Knowledge in Islam and the Principles of Mathematical Sciences," in *ISLAM: Source and Purpose of Knowledge*, (Herndon, International Institute of Islamic Thought, 1988), 193.
- Marazi, H. (2015). "Empowering Education with Values and Integration Of Religion And Science: Madrasah Al-Zahra Model", *Proceedings of International Conference Empowering Islamic Civilization in the 21st Century*, Universiti Sultan Zainal Abidin Malaysia.
- Markham.S, Ian and Pirim, Suendam (2011). *An Introduction to Said Nursi, Life, Thought and writings. Nursi, Muhakamat*, Istanbul: Soz Press. Ashgate Publishing, Ltd.
- Muaz, M. N., & Faizuri, A. L., (2012). *Tajdid Pendidikan Badiuzzaman Said Nursi Dalam Kitab Rasail An-Nur*. *Journal of Al-Tamaddun*, 7(1), 135–147.



- Muhammad al-Ghazzalī, *Ihyā al-‘Ulūm al-Dīn*, vol. 1, tr. Fazlul Karim (Delhi: Kitab Bhavan, 1982), 109.
- Ningsih, T., Purnomo, S., Mufliah, M., & Wijayanti, D. (2022). Integration of Science and Religion in Value Education. *IJORER: International Journal of Recent Educational Research*, 3(5), 569-583. <https://doi.org/10.46245/ijorer.v3i5.248>
- Oleksowicz, Michał, and Tomasz Huzarek. 2021. Forgiveness and the Naturalistic Approach to Religion: A Contextual View of the Problem of Evil. *Religions* 12: 756. <https://doi.org/10.3390/rel12090756>
- Sofi, Mohammad. (2013). Knowledge—Toward Bridging Religious and Modern Sciences: Bediuzzaman Said Nursi’s Approach. *Journal of Islamic Thought and Civilization*. 03. 13-20. 10.32350/jitc.32.02.
- Sunhaji, S. (2016). *Pembelajaran tematik integratif pendidikan agama islam dengan sains*. Yogyakarta: Pustaka Senja